

21/01/2003

Perjuangan dalam Umno bukan untuk diri sendiri

Azmir Yusoff

LAWATAN Perdana Menteri ke Kelantan, minggu lalu, membuka lembaran baru politik tanah air.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sekali lagi yakin Barisan Nasional (BN) dapat merampas semula Kelantan daripada Pas dalam pilihan raya umum akan datang.

Keyakinan itu ditambah dengan rombakan kepemimpinan Badan Perhubungan Umno Kelantan.

Pengguguran dan pelantikan yang dilakukan sememangnya tepat pada waktunya kerana rakyat menuntut perubahan supaya kelemahan yang wujud dapat diatasi.

Majlis Pemimpin Bersama Rakyat yang dihadiri kira-kira 20,000 orang juga menunjukkan kesedaran rakyat negeri Kelantan bahawa mereka selama ini hanya menyaksikan pembangunan dan kejayaan negeri lain yang diterajui oleh BN.

Mereka juga mengharapkan kemajuan dan pembangunan setanding dan tidak lagi mahu dibelenggu pelbagai kesulitan dan kesempitan hidup. Kunjungan Dr

Mahathir kali ini dinanti-nantikan oleh rakyat Kelantan kerana mereka tahu, tentu ada amanat penting yang ingin disampaikan sebelum beliau menamatkan khidmat baktinya pada Oktober depan.

Perubahan yang dilakukan oleh Dr Mahathir dan Pengerusi Perhubungan Umno

Kelantan, Datuk Mustapa Mohamed adalah sesuatu yang perit untuk diterima oleh pihak tertentu. Namun, menyedari hakikat bahawa Umno perlu menawan semula Kelantan, mereka hendaklah akur kepada keputusan itu.

Ini bagi menjamin Umno terus relevan dan dapat diperkuatkan dari semasa

ke semasa. Perubahan ini harus diterima oleh semua pihak dan keputusan Dr

Mahathir memberi isyarat kepada semua pemimpin Umno negeri bahawa keikhlasan dalam perjuangan adalah penting.

Perjuangan dalam Umno untuk parti dan kesejahteraan rakyat, bukan untuk diri sendiri.

Momentum perubahan ini diharap berterusan dan menjalar ke negeri lain sebagai persediaan menghadapi pilihan raya umum akan datang.

Perubahan perlu dilakukan demi menepati cita-cita dan aspirasi rakyat. Kekalahan Umno di Kelantan dan beberapa kawasan lain bukan disebabkan Pas

yang semakin kuat, tetapi Umno yang lemah.

Umno bukan saja lemah di Kelantan atau Terengganu, malah di kawasan tertentu di negeri lain.

Pemimpin Umno negeri perlu menghentikan politik sandiwara iaitu menghentikan sikap berpuak-puak di antara satu sama lain.

Sikap inilah yang menyebabkan rakyat hilang kepercayaan terhadap Umno kerana muak dengan sikap sesetengah pemimpin parti, baik di peringkat

cawangan, bahagian mahupun negeri.

Langkah beberapa negeri yang akan membuat rombakan dilihat sebagai suatu perkembangan positif.

Ini wajar dilakukan kerana negeri lain juga menghadapi masalah kepemimpinan. Pemimpin perlu berkaliber, ikhlas dan diterima oleh rakyat.

Jika tidak rakyat akan mudah beralih arah terutama pengundi 'atas pagar'.

Dr Mahathir walaupun menekankan usaha menawan semula Kelantan, namun negeri lain patut diberi perhatian sewajarnya supaya dapat merampas semula

kawasan yang dimenangi pihak pembangkang pada pilihan raya umum 1999.

Daripada pengalaman, jentera BN menumpukan perhatian kepada Kedah dan Perlis kerana kononnya Pas ingin menawan negeri itu. Akibatnya, negeri yang selama ini berada dalam genggaman terlepas ke tangan pihak pembangkang iaitu Terengganu. Jangan biarkan nasib yang sama menimpa Umno

sekali lagi dalam pilihan raya umum akan datang.

Justeru, barisan pemimpin Umno negeri harus menghargai pengorbanan Dr Mahathir dan Timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang bekerja keras memulihkan kepercayaan rakyat terhadap Umno dan BN.

Usaha gigih dari peringkat bawah hingga atasan perlu dilipat-gandakan supaya kemenangan pada pilihan raya umum akan datang tidak menjadi angan-angan kosong.

Semoga seluruh jentera parti memberikan komitmen yang padu dan ikhlas dalam perjuangan. Sesungguhnya, 'perubahan sudah bermula' dan berjuang untuk kesejahteraan bersama.

AZMIR YUSOFF,  
Serdang, Selangor.